

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



## DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic  
Partners:



Lembaga Muzium  
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat  
University, Thailand



Far Eastern University  
Phillipines



Hanseo University  
Korea



كلية التقنية العليا  
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

**DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION**



Copyright ©2021  
by the Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

: Syahrini Shawalludin

: Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim

Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan

Juaini Jamalludin

Syahrini Shawalludin

Siti Fairuz Ibrahim

Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)

Percetakan-Offset-Digital-Penjilid

5-3-18, The Promenade,

Permaisuri Mahsuri,

11950, Bayan Baru,

Pulau Pinang, Malaysia

sinaranbros.digital@gmail.com

Sehingga kini wabak covid-19 terus meningkat secara drastik sehingga kes keseluruhan mencapai beratus ribu di Malaysia. Angka kematian juga mendadak naik sehingga hampir mencecah ribuan kematian. Hal ini berlaku disebabkan masih ramai lagi yang kurang peka pada arahan SOP yang ditetapkan oleh negara. Pihak berwajib telah merancang pelbagai cara untuk mengekang jangkitan tersebut.

Pelbagai prosedur yang dilakukan untuk membendung masalah wabak ini daripada berjangkit secara meluas ke seluruh kawasan seperti melakukan sekatan jalan raya, kuarantin dan penangguhan acara.

Namun prosedur tersebut masih kurang berjaya di mana masih ramai lagi yang masih cuai dan tidak mematuhi arahan yang digariskan. Sehingga kini pihak berkuasa masih lagi berusaha untuk memikirkan solusi yang berkesan dengan menggariskan pelbagai kaedah keselamatan. Pandemik bukan sahaja membawa kepada gangguan ekonomi negara, bahkan ia juga telah merubah norma kehidupan manusia dewasa ini.

Atas dasar keperihatinan pengkarya terhadap situasi semasa negara maka terhasillah sebuah karya seni bertemakan covid-19 sebagai salah satu kempen kesedaran kepada masyarakat. Cetusan idea yang terkini ini telah digarap oleh pengkarya agar dapat memberikan satu pengalaman baru kepada penonton dalam apresiasi seni. Arca yang diolah bentuknya kepada maze ini adalah merupakan satu eksperimentasi bentuk asal struktur virus covid-19 yang dimujaradkan kepada bentuk baru agar memberi persepsi fizikal yang berlainan. Tujuan pengkarya menghasilkan bentuk maze ini kerana ia mempunyai maksud yang sinonim dengan isu semasa. Ia bermaksud ‘tiada jalan yang singkat atau pun mudah untuk mengatasi segala masalah dan sentiasa bertembung dalam keadaan yang rumit dan sukar untuk jalan penyelesaian yang penuh cabaran’. Pelbagai media telah cuba dieksplorasi akhirnya


pengkarya telah membuat justifikasi terhadap penentuan media yang sesuai dan terbaik untuk penghasilan arca virus ini. ‘Paper clay’ atau tanah liat kertas yang dihasilkan sendiri oleh pengkarya dijadikan media asas kepada keseluruhan bentuk arca. Pengkarya mengaplikasi media ini bagi menampakkan bentuk struktur virus covid-19 kepada yang lebih kompleks dengan permukaan yang kasar untuk mencapai maksud yang lebih subjektif terhadap sifat sebenar virus tersebut.

Penggunaan paper clay dilihat dapat menstabilkan struktur arca ini agar lebih kuat, keras, kukuh dan kekal lama untuk dihayati. Untuk penambahan nilai estetik kepada arca ini stem virus covid-19 yang asli telah diolah semula dengan pembentukan bentuk dadu yang bersaiz kecil dan diletak secara rawak mengelilingi struktur virus tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mengajak penonton melihat sisi baru arca covid dalam persepsi dan visual yang lebih kompleks. Seterusnya, warna yang digunakan lebih kontra antara satu sama lain untuk memberi kesan visual yang lebih dramatik.

Proses penghasilan arca ini memerlukan pengorbanan masa yang agak lama. Hal ini untuk memastikan media yang diguna betul-betul kering supaya ia tidak akan berlakunya sebarang masalah teknikal. Dalam proses penghasilan arca ini juga memerlukan penelitian dari aspek kekemasan karya agar ia kelihatan sempurna dan mudah untuk dihayati. Pada dasarnya kewujudan arca ini setidak-tidaknya membicarakan isu semasa sebagai rakyat yang harus menjalankan tanggungjawab bersama dengan mematuhi segala iltizam kerajaan agar mengembalikan kesejahteraan yang kita impikan seperti dulu. Kita harus menyemai sedikit jiwa di setiap sanubari bahawa penyakit covid-19 ini bukanlah hanya sekadar penyakit biasa bahkan ia boleh meragut nyawa insan yang kita sayangi walaupun dalam apa jua situasi dan tiada limitasi.

## **NurulHuda Amira Zol Harris Mohd Zamri Azizan**

### **Tiada Penamat 1**



**NURULHUDA AMIRA ZOL HARRIS**  
Tiada Penamat 1

8 in x 8 in x 8 in  
Mixed Media  
miyraharris25@gmail.com

## DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Galeri  
seni merbok